



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Wang Kertas \$5 baru dan Pencegahan Pemelancungan

Rizab Persekutuan, Jabatan Perbendaharaan dan Perkhidmatan Rahsia A.S. komited untuk melindungi integriti mata wang Amerika Syarikat dengan memperkenalkan secara tetap reka bentuk dan ciri keselamatan baru, dan menggunakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif untuk mengatasi pemelancungan dan pemalsu wang yang mungkin ada.

**Tiada wang kertas yang kalis pemelancungan. Bantu lindungi diri anda sendiri dengan mempelajari ciri-ciri keselamatan yang mudah diguna.**

- Ciri keselamatan menjadikannya lebih mudah untuk anda memeriksa wang kertas \$5 baru yang anda terima dan lebih sukar untuk pemalsu wang memalsukan wang tersebut. Pegang wang kertas anda pada cahaya untuk memeriksa ciri-ciri ini:
  - o **Tera air:** Kini terdapat *dua* tera air pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor “5” yang besar terletak dalam ruang kosong ke sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.
  - o **Benang Keselamatan:** Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak di sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf “USA” diikuti dengan nombor “5” dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu bercahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.

**Gabungan pendidikan awam, penguatkuasaan undang-undang dan ciri keselamatan yang dipertingkatkan membantu menghalang pemalsu wang yang mungkin ada.**

- Secara keseluruhannya, impak ekonomi terhadap pemelancungan mata wang adalah minimum, tetapi seorang individu yang menerima wang kertas palsu benar-benar menyedari kerugian kewangan yang berlaku.
  - o Pada tahun 2007, orang awam merealisasikan kerugian sebanyak \$61.4 juta daripada wang palsu di Amerika Syarikat. Walaupun ini tidak merupakan jumlah wang yang besar berbanding dengan lebih daripada \$770 bilion yang berada dalam peredaran, ia merupakan kehilangan kewangan yang sebenarnya kepada orang awam yang memegang wang tersebut.



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

**Untuk mengatasi pemelancungan mata wang, kerajaan A.S. terus mereka bentuk semula wang kertas kami.** Wang kertas \$5 telah dikeluarkan pada 13 Mac, 2008 dan wang kertas \$100 baru akan menyusul.

- Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula akan membantu melindungi terhadap kaedah pemelancungan mata wang yang mengeluarkan dakwat daripada wang kertas \$5 dan menukarnya agar ia kelihatan seperti wang kertas \$100. Anda hendaklah memeriksa wang kertas \$100 anda dengan teliti untuk melindungi diri anda daripada menerima wang palsu. Oleh kerana kedua-dua wang kertas \$5 lama dan \$100 sedia ada mempunyai tera air potret pada lokasi yang sama - pastikan tera air pada wang kertas \$100 anda adalah potret Ben Franklin.
- Sejak 1996, wang kertas \$10, \$20 dan \$50 telah direka bentuk semula dengan ciri keselamatan yang dipertingkatkan untuk membuat pemelancungan lebih sukar dan untuk memudahkan institusi kewangan, pengendali wang tunai profesional dan orang awam memeriksa ketulenan wang kertas mereka.